

Headline	Boleh beli baju raya		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	100	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	434 cm ²
Journalist	Zulfa Mohamad	AdValue	RM 17,097
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,291



'Boleh beli baju raya'

■ OKU antara 302 asnaf terima Sumbangan Ihsan Tabung Haji

Zulfa Mohamad
am@hmetro.com.my

Kepala Batas

"Alhamdulillah dapat RM500 boleh beli baju raya...mana nak cari RM500 sekarang ni," kata orang kurang upaya (OKU), Azhar Ahmad, 52, antara 302 penerima Sumbangan Ihsan Tabung Haji (ITH) di sini, semalam.

Azhar berkata, walaupun mendapat bantuan RM300 sebulan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), wang berkenaan digunakan untuk membeli keperluan dapur dan perbelanjaan harian.

"Kalau nak beli baju raya memang tidak ada wang. Tambahan pula seorang anak lagi masih belajar di sebuah kolej di Terengganu.

"Nasib baik dapat RM500 dari TH, kalau tidak mana nak cari wang beli baju raya," katanya.

Ibu tunggal, Bayah Mohamad, 84, dari Pekan Darat berkata, wang diterimanya akan digunakan untuk membeli makanan dan se-

"Sebanyak RM2.2 juta disediakan sempena Program Ihsan TH Mohamad"

MOHAMAD menyerahkan Sumbangan Ihsan TH kepada penerima, semalam.

bagiannya akan disimpan.

"Saya dah tua tak fikir soal raya dah. Baju raya cucu yang beli, tetapi syukurlah adalah orang bagi sumbangan," katanya.

Sementara itu, Pengarah TH Pulau Pinang Mohamad Abas berkata, sejumlah RM151,000 diperuntukkan sebagai sumbangan kepada

302 asnaf membabitkan warga emas, ibu tunggal dan OKU sekitar pekan ini dengan setiap orang menerima RM500.

Beliau berkata, sebanyak RM2.2 juta disediakan sempena Program Ihsan TH kepada 4,108 asnaf seluruh negara tahun ini.

"Sumbangan itu sebahagian tanggungjawab sosial korporat TH kepada masyarakat

selain meringankan beban asnaf membuat persiapan menyambut Aidilfitri," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, pencarum diingatkan pada khabar angin yang diviralkan dalam media sosial kerana tidak semuanya betul.

Katanya, apa yang dikesalkan ialah ada pencarum

percaya pada khabar angin lalu mengeluarkan wang dari TH sedangkan tindakan itu boleh merugikan mereka.

"Pencarum perlu dapatkan penjelasan daripada TH terlebih dulu mengenai isu yang dibangkitkan dalam media sosial dan bukan sekadar mendengar dari pihak ketiga semata-mata dan terus membuat keputusan," katanya.

